

# JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

## MALAYSIA

BAHAGIAN PERKHIDMATAN

Aras 6-7, Blok C2, Parcel C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA



Tel: 03-88853000/88854000

Faks: 03-88892205/2204/2202/2199

Web: <http://www.jpa.gov.my>

Ruj. Kami : JPA(S)223/8/1 Klt.22/(14)

Tarikh : 18 JANUARI 2002

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

### **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 17 TAHUN 2001: PENGUATKUASAAN SURAT AKU JANJI UNTUK PEGAWAI AWAM**

Sukacita dimaklumkan bahawa selepas menerima maklumbalas dari pelbagai pihak, Jabatan ini bersetuju melakukan beberapa pindaan kecil, khususnya dari segi gaya bahasa, terhadap Surat Aku Janji yang telah dikuatkuaskan melalui Pekeling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2001 (PP 17/2001). Oleh itu sila gantikan **Lampiran A** (versi Bahasa Melayu) dan **Lampiran B** (versi Bahasa Inggeris) kepada PP 17/2001 itu dengan Surat Aku Janji yang baru seperti contohnya dilampirkan bersama-sama ini.

2. Perlu ditegaskan di sini bahawa pindaan yang dimaksudkan di atas tidak menjelaskan kesahihan dan kuatkuasa Surat Aku Janji seperti **Lampiran A** atau **Lampiran B** kepada PP 17/2001 yang telah ditandatangani oleh mana-mana pegawai. Oleh itu mereka yang telah menandatanganinya tidak perlu menandatangani Surat Aku Janji yang baru ini.

3. Untuk menjaga keseragamannya, Surat Aku Janji untuk pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan (tidak termasuk Perkhidmatan Angkatan Tentera) akan dicetak oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di Bukit Kiara Kuala Lumpur. Setiap kementerian dan jabatan Persekutuan bolehlah menghubungi mana-mana pegawai INTAN yang berikut untuk mendapatkan bekalan yang diperlukan mengikut jumlah keseluruhan pegawai masing-masing:

- (i) Tuan Haji Azmi bin Che Mat (Tel: 03-2552400 sambungan 6776);
- (ii) Puan Sarojini Naidu (Tel: 03-2552400 sambungan 6724);
- (iii) Encik Sofian bin Makmun (Tel: 03-2552400 sambungan 6654); and
- (iv) Puan Norita binti Md. Darus (Tel: 03-2552400 sambungan 6654)

4. Bagi Perkhidmatan Angkatan Tentera, Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan, mereka dikehendaki mencetak sendiri Surat Aku Janji yang diperlukan berpandukan kepada contoh yang dilampirkan kepada surat ini. Mereka boleh menggunakan logo sendiri dan menggantikan mana-mana istilah atau peruntukan yang tidak selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa di agensi masing-masing. Surat Aku Janji yang akan dicetak itu kelak hendaklah mematuhi spesifikasi berikut:


- (i) Bagi Surat Aku Janji yang asal (untuk simpanan pegawai), gunakan kertas jenis *Classic Parchment Vellum* atau kertas jenis yang lain yang sama atau hampir sama kualitinya dengan ketebalan 106 gsm dan saiz A4 berukuran 210 x 297 mm ;
- (ii) bagi Surat Aku Janji salinan kedua (untuk simpanan ketua jabatan / ketua perkhidmatan / pihak berkuasa melantik), gunakan kertas A4 biasa berwarna putih. Salinan fotostat dibenarkan; dan
- (iii) gunakan font *Arial* saiz 14 untuk tajuk "**SURAT AKU JANJI**" dan font *Times New Roman* saiz antara 10 hingga 12 untuk kandungan Surat Aku Janji.

5. Surat Aku Janji bagi pegawai yang dilantik selepas tarikh kuatkuasa PP 17/2001 (1 Januari 2002) akan disediakan oleh pihak berkuasa melantik. Walau bagaimanapun buat permulaannya pihak berkuasa melantik bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan boleh mendapatkan bekalan yang mereka perlukan daripada INTAN berdasarkan kepada jumlah pengambilan untuk tempoh setahun. Keperluan seterusnya hendaklah disediakan sendiri oleh pihak berkuasa melantik berkenaan.

Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
(**LUEY BIN PUTEH**)  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
MALAYSIA.

Tel: 88854079/4077

E-mel: [luey@jpa.gov.my](mailto:luey@jpa.gov.my)

043-pindaan aku janji-surat43